

Sempena Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Diplomatik Malaysia-China

Pacu ekonomi bersama, perkukuh kepercayaan Kuala Lumpur-Beijing

• Suatu kepercayaan dibina dalam setiap kerjasama bilateral tentunya akan dapat diteruskan pada masa hadapan, sekali gus mengecilkan peluang terjadinya konflik (dalam bentuk idea dan norma) antara kedua-dua negara

• Pendekatan diplomasi keselamatan dan pertahanan perlu diutamakan membabitkan perbincangan dan dialog pemimpin, menteri dan pegawai kanan pertahanan untuk menyatukan persepsi serta perkuat kepercayaan



Oleh Dr Mohammad Fajar Ikhsan
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan
Politik Ekonomi
Antarabangsa,
Pusat Pengajian
Antarabangsa (SoIS)
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Semalam, hubungan diplomatik antara Malaysia dengan China genap 50 Tahun. Secara formal, 'ulang tahun diplomatik' itu tentunya diisi pelbagai perjanjian kerjasama meliputi sektor ekonomi, perniagaan, pendidikan mahupun budaya.

Malah pada 2023, ia juga menjadi penanda Perkongsian Strategik Komprehensif China-Malaysia dijalankan selama 10 tahun memberikan manfaat positif kepada kedua-dua pihak.

Ini dapat dilihat China menjadi rakan dagang terbesar Malaysia selama 14 tahun berturut-turut, sekali gus membawa peningkatan jumlah perdagangan kedua-dua negara hingga mencapai AS\$155.7

bilion (RM721.3 bilion).

Tentunya, diplomasi ekonomi China-Malaysia akan membawa kepada kerjasama lebih prospektif dengan menyaksikan lebih 10 projek strategik ditandatangani terutama Taman Industri Kuantan Malaysia-China (MCKIP), Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Pembinaan Projek Landasan Berkembar Elektrik (EDTP) Gemas-Johor Bahru serta projek lain bernilai lebih RM115 bilion.

Seperti dinyatakan Penyelidik Pasaran Global dan Strategi OCBC, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia dari China dan Hong Kong, meningkat kepada AS\$3.4 bilion (RM16 bilion) pada 2023 daripada AS\$3.3 bilion (RM15.5 bilion) pada 2022, sekali gus tiga kali ganda daripada paras 2013.

Ini bermakna komitmen diberikan China dan Malaysia sama ada melalui pernyataan serta kesepakatan bersama antara Presiden, Xi Jinping dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menunjukkan potensi kerjasama strategik ini akan terus diperkukuhkan ke arah model pembangunan ekonomi saling menguntungkan dan kebergantungan, akhirnya boleh membawa kestabilan dan perdamaian serta pembangunan sosio-ekonomi mampan terutama di Asia Tenggara.

Tentunya, Malaysia berharap projek kerjasama dirangkum dalam pelaburan dan industri ini dapat memberi manfaat secara langsung terutama pengalihan pendapatan seimbang kepada pekerja.

Ini akan dapat memperkuat kepercayaan masyarakat dan meningkatkan persepsi positif rakyat Malaysia terhadap kerjasama ekonomi serta pembangunan komuniti melalui projek strategik di negara ini.

Justeru, suatu kepercayaan dibina dalam setiap kerjasama bilateral tentunya akan dapat diteruskan pada masa hadapan, sekali gus mengecilkan peluang terjadinya konflik (dalam bentuk idea dan norma) antara kedua-dua negara.

Selain itu, kita dapat melihat China sudah menjadi kuasa besar memiliki kemampuan dalam bidang pertahanan, ekonomi dan teknologi kukuh. Justeru, potensi kerjasama boleh diteruskan melalui perkongsian teknologi dan ilmu pengetahuan dengan rakan kerajaan, industri serta akademik di negara ini.

Perkongsian teknologi dan ilmu pengetahuan penting untuk memastikan Malaysia dan China berada dalam kedudukan dan ekosistem industri dan perniagaan setara serta dapat menjalankan projek pembangunan sosioekonomi lebih konstruktif.

Pelbagai program boleh dijalankan meliputi bantuan dan sokongan teknikal, program latihan dan pendidikan, penyelidikan dan pembangunan bersama, pemindahan teknologi pertahanan, kerjasama keselamatan siber, kerjasama industri, pengurusan harta intelek, pembinaan kapasiti dalam pengurusan teknologi, perkongsian maklumat dan ilmu pembuatan dan penyelenggaraan termaju.

Seterusnya, kerjasama antara universiti di Malaysia dan China perlu untuk dijalankan membabitkan pakar kedua-dua negara untuk menciptakan bentuk teknologi baharu mahupun mencadangkan dasar kerajaan meliputi bidang pembangunan ekonomi, hubungan antarabangsa, perniagaan, teknologi digital, keselamatan serta pertahanan.

Kerjasama ke fasa lebih progresif

Malaysia dapat belajar dengan China, begitu juga sebaliknya dalam pelbagai aspek. Justeru, perkongsian ini dapat membawa kerjasama kedua-dua negara ke fasa lebih progresif meliputi hubungan multidimensi merangkumi hubungan antara elit kerajaan dengan politik, peniaga dan industri, masyarakat awam dan pekerja, serta kalangan akademik atau penyelidik.

Sebelum ini, Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS) menerima biasiswa daripada China diberikan Duta Besar China ke Malaysia, Ouyang Yujing

berjumlah RM60,000.

Ini tentunya menunjukkan wujudnya kepedulian China dalam memastikan potensi mahasiswa Malaysia dikembangkan dan diperkukuh ke tahap lebih tinggi.

Ini bermakna diplomasi pendidikan antara China dengan Malaysia perlu diteruskan ke arah penciptaan pembangunan sumber manusia lebih kreatif dan kompetitif pada masa hadapan.

Begitu juga dengan peningkatan jumlah ke-masukan pelajar China di universiti tempatan, menunjukkan potensi diplomasi pendidikan antara kedua-dua negara berada pada landasan baik terutama menggalakkan inovasi pendidikan melalui kerjasama daripada pelbagai pihak berkepentingan, melalui perkongsian dan kepemimpinan berorientasikan masa hadapan bagi mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) pendidikan.

Seiring perjalanan 50 tahun hubungan diplomatik China-Malaysia ke masa hadapan, tentunya model diplomasi perlu terus dikedepan. Pada masa sama, hubungan bilateral bersifat fluktuatif tidak dapat dielakkan.

Pelbagai isu membabitkan perbezaan pandangan antara China dengan Malaysia terutama keselamatan dan kedaulatan di Laut China Selatan pastinya menjadi persoalan paling penting antara kedua-dua negara.

Namun, norma antarabangsa lazim digunakan sebagai panduan dalam undang-undang antarabangsa perlu dipatuhi kesemua pihak sama ada melalui persetujuan bersama mahupun pendekatan lain untuk mengurangi potensi konflik terbuka di Laut China Selatan.

Pendekatan diplomasi keselamatan dan pertahanan perlu diutamakan membabitkan perbincangan dan dialog pemimpin negara mahupun menteri dan pegawai kanan pertahanan untuk menyatukan persepsi serta memperkuat kepercayaan.

Seterusnya, diplomasi keselamatan dan pertahanan juga perlu dijalankan kedua-dua negara terutama dengan mengetengahkan kempen perdamaian kawasan, persidangan akademik, ketelusan dan komunikasi berterusan serta penyelarasan dan perkongsian idea.

Kestabilan geopolitik dan keselamatan Asia Tenggara berkait erat dengan keselamatan masyarakat. Sebarang peningkatan konflik dan ketegangan, akan membawa kerugian dan menyengsarakan negara terbabit sama ada dalam bentuk fizikal mahupun bukan fizikal.

Kesedaran bersama sebagai entiti komuniti global berperadaban dan bermoral perlu dijunjung tinggi sebagai nilai kesatuan. Seperti pernah dikatakan ahli falsafah China, Confucius: "Untuk apakah seluruh kemenangan jika harus dilakukan dengan cara menghancurkan, melukai atau mematikan kehidupan orang lain?"

Justeru, hubungan antarabangsa perlu dilihat dalam konteks lebih meluas, bukan hanya sebatas pertunjukan dan perebutan kekuasaan, sebaliknya bagaimana semua negara, bukan negara dan komuniti global bertanggungjawab memastikan perdamaian dicapai dengan menjunjung tinggi nilai kemanusiaan dan peradaban.

Seiring perjalanan 50 tahun hubungan diplomatik China-Malaysia ke masa hadapan, tentunya model diplomasi perlu terus dikedepan

